



30 Disember 2024
Kenyataan Media

PUSPAKOM BERI KERJASAMA PENUH KEPADA JPJ DALAM OPS GEMPUR DI SEMUA PUSAT PEMERIKSAAN

Shah Alam, 30 Disember 2024 – PUSPAKOM mengumumkan bahawa ia memberikan kerjasama penuh kepada Jabatan Pengangkutan Jalan (“JPJ”) yang menjalankan pemeriksaan mengejut di semua cawangan PUSPAKOM di seluruh negara sepanjang hari ini.

Syarikat pemeriksaan kenderaan pertama negara itu berkata, ia amat mengalu-alukan penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ ke atas cawangan-cawangan PUSPAKOM untuk memastikan operasi pemeriksaan yang dijalankan mengikut SOP yang ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman berkata langkah ini akan membantu usaha membudayakan amalan keselamatan jalan raya di Malaysia.

“Kami percaya bahawa kerjasama antara PUSPAKOM dan JPJ ini akan mengukuhkan usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya dan memelihara integriti sistem pengangkutan negara. PUSPAKOM sentiasa komited dalam memastikan semua kenderaan yang diperiksa memenuhi syarat keselamatan yang ditetapkan,” ujar Mahmood.

“Pemeriksaan mengejut ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan oleh JPJ untuk memastikan keselamatan dan pematuhan undang-undang kenderaan di jalan raya. Kami menyokong penuh inisiatif ini untuk memastikan segala prosedur pemeriksaan dilakukan dengan telus dan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa”, tambah Mahmood.

PUSPAKOM juga telah mengesahkan bahawa dua kakitangan cawangan Wangsa Maju telah dipanggil untuk memberikan keterangan kepada Jabatan Penguatkuasaan JPJ pada 31 Disember 2024. Sebuah kenderaan yang diperiksa di cawangan yang sama telah disita oleh JPJ kerana menggunakan pemandu warga asing tanpa lesen memandu yang sah.

PUSPAKOM menegaskan bahawa kakitangan yang terlibat tidak akan dilindungi dari sebarang tindakan disiplin dalaman sekiranya terbukti ada salah laku.

“Untuk memastikan integriti pemeriksaan PUSPAKOM, syarikat tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya terhadap kakitangan terbabit seperti yang diperuntukan di bawah terma dan syarat kontrak pekerjaan, termasuk penggantungan atau pembuangan kerja,” kata Mahmood.



PUSPAKOM menzahirkan penghargaan kepada JPJ di atas operasi ini, dan menggalakkan orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat tentang salah laku yang berkaitan dengan PUSPAKOM di 1-800-88-2005 atau whistleblowing@drb-hicom.com

#ENDS#

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Siti Khasiah Noor Khairuddin

Ketua Komunikasi Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03-2052 7769 H/P: 012 – 382 8550

Mohd Izzat Intanjudin

Penolong Pengurus, Komunikasi Pemasaran & Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03-2052 7464 H/P: 018 – 666 2808

MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.

Kami mempunyai rangkaian 53 pusat pemeriksaan di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai 30 tapak lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM termasuk Unit Bergerak Trak (10 unit), Unit Bergerak Van (36 unit), dan Unit Bergerak Ringan (4 unit), yang menawarkan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami berbangga dalam menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap, dan tepat secara profesional.